

PM bidas pihak bangkit isu 2 kapal tentera China

Petaling Jaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim membidas tindakan pihak yang sengaja menimbulkan isu dua kapal tentera laut China berlabuh di Pulau Pinang, baru-baru ini, sedangkan persinggahan kapal luar negara di negara ini sudah menjadi amalan biasa sejak sekian lama.

Perdana Menteri berkata, malah Malaysia sentiasa membenarkan pelabuhan kapal dari semua negara kecuali Israel di sini kerana mengamalkan dasar berbaik dengan semua negara.

Beliau tidak melihat wujudnya masalah kerana operasi ketenteraan secara bersama itu bukan sahaja diadakan bersama China, namun juga negara lain seperti Amerika Syarikat (AS), Singapura, Indonesia dan India sebelum ini.

‘Ada kapal China (ada pihak) kata nak serang Pulau Pinang, kita ada operasi ketenteraan bersama, apa masalahnya? Pada saya tiada masalah. Hal itu berlaku sejak sekian lama.

“Malah kerajaan dulu ketika zaman PAS dan BERSATU, kapal Israel pun boleh masuk, tidak jadi isu, tetapi sekarang jadi isu,” katanya pada majlis Mesyuarat Agung Tahunan ke-78, Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustri Cina Malaysia, semalam.